



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 23 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	EKSPORT PERTANIAN KE SINGAPURA MENINGKAT 44 PERATUS, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI DALAM PERANCANGAN PINDA AKTA 728, SH-ONLINE	
3.	KENAIKAN HARGA BARANG BUKAN DISEBABKAN KEKURANGAN STOK, SH-ONLINE	
4.	TIADA PENYELEWENGAN BENIH PADI, SH-ONLINE	
5.	LEWAT AGIH BENIH PADI DISEBABKAN PERMINTAAN TINGGI TERHADAP MR 297 - RONALD, BERNAMA-ONLINE	
6.	SEED DISTRIBUTION DELAY DUE TO HIGH DEMAND FOR MR 297 PADI VARIETY - RONALD, BERNAMA-ONLINE	
7.	MAFI PANTAU OPERASI IMPORT EKSPORT PRODUK PERTANIAN DI CIQ BANGUNAN SULTAN ISKANDAR, JESSELTON TIMES-ONLINE	
8.	INDUSTRI TENUSU BERPOTENSI DIKEMBANGKAN, ASTRO AWANI-ONLINE	
9.	LEWAT AGIH BENIH PADI DISEBABKAN PERMINTAAN TINGGI TERHADAP MR 297 - RONALD, ASTRO AWANI	
10.	DUA KEMENTERIAN BINCANG ISU HARGA MAKANAN NAIK, UM-ONLINE	
11.	TIADA PENYELEWENGAN BENIH PADI – MENTERI, UM-ONLINE	
12.	PERMINTAAN TINGGI PADI MR297 JADI ISU, HM- ONLINE	
13.	MAFI NAFI BERLAKU PENYELEWENGAN BENIH PADI, BH-ONLINE	
14.	AGRICULTURE MINISTER: SEED DISTRIBUTION DELAY IN KEDAH, PERLIS DUE TO HIGH DEMAND FOR MR 297 PADDY VARIETY, MALAY MAIL-ONLINE	
15.	AGRICULTURE MINISTER: SEED DISTRIBUTION DELAY IN KEDAH, PERLIS DUE TO HIGH DEMAND FOR MR 297 PADDY VARIETY MALAYSIA, MALAYSIA AND DAILY-ONLINE	
16.	SEED DISTRIBUTION DELAY DUE TO HIGH DEMAND FOR MR 297 PADI VARIETY - RONALD, THE SUN DAILY-ONLINE	
17.	AGRICULTURE MINISTER: SEED DISTRIBUTION DELAY IN KEDAH, PERLIS DUE TO HIGH DEMAND FOR MR 297 PADDY VARIETY, MALAYSIA NOW.NET-ONLINE	
18.	PERMINTAAN TINGGI TERHADAP MR 297, LEWAT AGIH BENIH PADI, BERITA BERNAMA- BTV	
19.	"SENTUHAN KASIH TANI" BENEFITS PEOPLE, HOME, BORNEO POST KUCHING-3	
20.	"SENTUHAN KASIH TANI" BENEFITS PEOPLE, HOME, BORNEO KK-3	
21.	AHMAD HAMZAH: UNEMPLOYED INDIVIDUALS AFFECTED BY PANDEMIC TAKE UP A NEW LIVELIHOOD AS FISHERMAN, NEWS, CHINA PRESS-C2	
22.	MAQIS PEKA IMPORT EKSPORT PERTANIAN, PASTIKAN BIOSEKURITI NEGARA TERJAMIN, BERNAMA-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
23.	LKIM HARAP PERUNTUKAN TAMBAHAN, NASIONAL, SH-15	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
24.	TAMBAH BAIK BEKALAN IKAN - LKIM, NEGARA, KOSMO-6	
25.	LKIM LULUS PROJEK BILIK SEJUK BESAR, NASIONAL, BH-20	
26.	LKIM RANCANG JUALAN IKAN SEGAR ONLINE, DALAM NEGERI, UM-12	
27.	SEGERAKAN BEKALAN BENIH PADI, DALAM NEGERI,UM-12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
28.	AGROBANK TETAP HARGA SUKUK WAKALAH, BISNES, HM-25	AGROBANK
29.	STEP TO IMPROVE FOOD PRODUCTION, VIEWS,THE STAR-16	LAIN-LAIN
30.	PESAWAH HARAP BAJET 2022 PERUNTUK WANG IHSAN UNTUK PETANI, NASIONAL,SH-12	
31.	ELAK KLUSTER PRN MELAKA, FORUM, UM-34	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Eksport pertanian ke Singapura meningkat 44 peratus



Ronald (kiri) ketika lawatan kerja di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar di sini pada Jumaat.

JOHOR BAHRU - Jumlah transaksi eksport barangan pertanian sehingga Oktober 2021 dari Malaysia ke Singapura mencatatkan peningkatan sebanyak 44 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jumlah itu melibatkan hampir dua juta tan metrik barangan pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan telah dieksport ke Singapura dengan nilai anggaran sebanyak RM3.43 bilion.

"Terdapat peningkatan transaksi eksport iaitu sebanyak 44 peratus berbanding tempoh sama pada 2020.

"Jumlah transaksi eksport ini juga dijangka terus meningkat sehingga 15 peratus pada penghujung tahun 2021," katanya ketika lawatan kerja dan pemantauan operasi import eksport produk pertanian di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini, pada Jumaat.

Ronald Kiandee berkata, pihaknya juga mendapati perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak 2020 lalu juga tidak menunjukkan kesan secara langsung terhadap eksport negara apabila transaksi ke negara jiran itu terus meningkat.

"Transaksi eksport ke Singapura dari pintu masuk ini (BSI) menunjukkan peningkatan daripada 56,610 transaksi pada 2019 kepada 125,151 transaksi bagi tahun 2020 iaitu bersamaan dengan 121 peratus.

"Selain transaksi eksport, bagi tempoh sama jumlah kuantiti barangan yang dieksport juga meningkat daripada 279,218 metrik tan kepada 364,012 metrik tan.

"Kita juga sedang menjangkakan kenaikan sama pada tahun ini apabila setakat Oktober sahaja sebanyak 393,189 metrik tan kuantiti barangan sudah dieksport ke Singapura," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kementerian menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya pintu-pintu masuk negara.

Katanya, usaha itu bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan serangga perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI dalam perancangan pinda Akta 728



Ronald (tengah) ketika melihat hasil pertanian yang akan dieksport ke Singapura pada lawatan di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar di sini pada Jumaat.

JOHOR BAHRU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam perancangan untuk memuktamadkan beberapa cadangan pindaan akta dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, pindaan akta itu adalah bagi meluaskan lagi bidang kuasa jabatan itu bukan sahaja tertumpu di pusat, stesen mahupun premis kuarantin seperti yang berkuat kuasa kini.

"Pindaan akta ini (Akta 728 Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011) adalah bagi membolehkan Maqis mempunyai kuasa untuk melakukan siasatan, serbuan dan penahanan di luar pintu masuk negara.

"Selain itu, pindaan juga akan memperkukuhkan lagi bidang kuasa bagi tujuan kawalan biosekuriti kepada semua komoditi pertanian berhubung aktiviti import dan eksport," katanya.

Beliau berkata demikian pada lawatan kerja dan pemantauan operasi import eksport produk pertanian di Komplek Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini pada Jumaat.

Ronald berkata, Akta 728 akan menekankan kepada pengurusan kawalan biosekuriti yang lebih mantap termasuk meningkatkan kadar denda atau hukuman dikenakan dalam peruntukan kesalahan sedia ada.

Katanya, dalam usaha memantapkan lagi kawalan keselamatan industri makanan di negara ini, MAFI menerusi Maqis juga telah menambah baik kaedah pemantauan proses import dan eksport di pintu-pintu masuk negara.

"Usaha ini adalah dengan mengukuhkan lagi prosedur operasi standard (SOP) serta melaksanakan kawalan kemasukan hasil pertanian bagi tujuan transit dan 'transshipment'," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, setakat September 2021, Maqis telah berjaya mematahkan sebanyak 37 penahanan membabitkan kes cubaan membawa masuk dan keluar negara hasil agro makanan.

"Kesemua kes ini membabitkan nilai agromakanan sebanyak RM1.35 juta dan dilihat meningkat berbanding penahanan kes bagi sepanjang tahun 2020 iaitu sekitar 38 kes," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kenaikan harga barang bukan disebabkan kekurangan stok



Ronald (tengah) melihat produk pertanian keluaran FAMA di Pasar Tani Jalan Datin Halimah Johor Bahru pada Sabtu.

JOHOR BAHRU - Kenaikan harga barang yang dilaporkan sejak kebelakangan ini bukan disebabkan kekurangan bekalan kerana stok makanan sentiasa konsisten dan melebihi permintaan walaupun negara berdepan pandemik Covid-19.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kementerian itu sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan harga makanan stabil.

Menurutnya, dalam tempoh pandemik juga dilaporkan berlaku lambakan sayur, tembikai dan nanas,

"Kerjasama dengan KPDNHEP penting bagi mengawal kenaikan harga produk makanan. Sebagai contoh MAFI mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP berhubung langkah menangani kenaikan harga ayam yang melebihi RM10 sekilogram pada September lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sidang video MAFI bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohammad Mustafa di Pejabat Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor di sini pada Sabtu.

Sebelum itu beliau mengadakan lawatan ke Pasar Tani Datin Halimah, Jalan Padu Kawasan Perindustrian Tampoi.



Ronald (tengah) melihat hasil pertanian yang dijual di Pasar Tani Jalan Datin Halimah Johor Bahru pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Azah Hamid Ahmad.

Pada Sabtu, media melaporkan aktiviti rentas negeri sejak 11 Oktober lalu menyebabkan harga kebanyakan barang membabitkan makanan dan binaan meningkat antara 15 hingga 50 peratus.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George berkata, peningkatan tersebut dikesan berdasarkan kajian Cassa di seluruh negara khususnya di kawasan pelancongan.

Sementara itu ketika mengulas mengenai Bajet 2022 untuk MAFI, kementerian akan memfokuskan kepada pemulihan sektor agro makanan.

"Peruntukan ini penting bagi membangunkan semula pengusaha kecil sektor agro makanan iaitu penternak, nelayan, peladang dan petani kecil supaya mereka dapat membangunkan semula ekonomi dan perusahaan yang terganggu akibat pandemik Covid-19.

"Perkara ini dicadangkan MAFI kepada Kementerian Kewangan dalam bajet yang akan dibentangkan hujung bulan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Tiada penyelewengan benih padi



Ronald (kiri) menyempurnakan pelepasan sumbangan MAFI Prihatin kepada rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura.

JOHOR BAHRU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memastikan bekalan benih padi yang diperlukan pesawah mencukupi sekali gus mengelak penyelewengan atau manipulasi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, antara langkah yang diambil ialah menetapkan harga siling sebanyak RM35 setiap beg Benih Padi Sah (BPS) bermula Februari lalu.

"Penetapan harga siling benih padi kepada maksimum RM35 bagi setiap beg merupakan tindakan yang dapat mengurangkan isu penyelewengan dan penyorokan.

"Jadi ia (penyelewengan benih padi) tiada ruang untuk dimanipulasi demi menjaga masa depan pesawah negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sidang video MAFI bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohammad Mustafa di Pejabat Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor di sini pada Sabtu.

Sebelum itu, Ronald menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin iaitu produk agro makanan sebanyak 2.5 tan metrik yang akan memberi manfaat kepada 350 orang penerima melibatkan enam rumah kebajikan di sekitar Johor Bahru.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Azah Hamid Ahmad.

Menurut Ronald, isu benih padi yang dilaporkan di Kedah dan Perlis baru- baru ini lebih tertumpu kepada masalah varieti padi yang dikehendaki oleh pesawah tidak mencukupi.

"Masalah ini tidak serius seperti musim lalu dan lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah. Ia disebabkan permintaan tinggi terhadap varieti padi MR 297 sehingga tidak mencukupi musim ini.

"Bagaimanapun, bahagian kawal selia padi dan beras bersama agensi lain sudah mengambil tindakan perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi pesawah.



Ronald (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin di Pejabat FAMA Johor pada Sabtu.

"Kementerian sudah ambil langkah yang perlu bagi mengurangkan isu pengedaran benih. Isu ini perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah," katanya.

Pada Selasa lalu, media melaporkan Badan Bertindak Petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa, pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Seterusnya pada Rabu lalu, Jabatan Pertanian dilaporkan memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, berdasarkan data hingga 10 Oktober lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Jabatan itu juga memaklumkan, jumlah berkenaan mencukupi untuk keperluan mengikut jadual penanaman di Kedah dan Perlis hingga akhir November depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

Lewat agih benih padi disebabkan permintaan tinggi terhadap MR 297 - Ronald



JOHOR BAHRU, 23 Okt -- Masalah kelewatan pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis hingga didakwa menjejaskan lebih 50,000 pesawah di dua negeri itu bukan disebabkan penyelewengan, sebaliknya berpunca daripada permintaan tinggi terhadap varieti benih padi MR 297 yang tidak mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata tindakan kerajaan menetapkan harga siling RM35 bagi setiap beg Benih Padi Sah (BPS), selain penahanan beberapa individu, telah berjaya mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

"Isu ini tidak seserius seperti musim lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah terhadap padi MR 297, sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini, namun Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi dan kementerian, sudah mengambil tindakan.

"Ia perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah," katanya kepada pemberita selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor, hari ini.

Untuk rekod, varieti benih padi MARDI SIRAJ (MR) 297 yang diisytihar pada tahun 2016 mendapat sambutan baik oleh pesawah, dan dianggarkan sebanyak 43.2 peratus pesawah di Semenanjung Malaysia menggunakan varieti itu.

Pada Rabu lepas, media melaporkan Jabatan Pertanian memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Jabatan itu memaklumkan, berdasarkan data hingga 10 Okt lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Ia susulan kenyataan Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA Che Ani Mat Zain pada Selasa, mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Dalam perkembangan lain, Ronald berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan pemain industri berhubung isu kenaikan harga barangan makanan yang dilaporkan baru-baru ini.

Beliau berkata perbincangan itu perlu bagi mengesan punca masalah berkenaan berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan sekali gus dapat mengawal harga produk makanan di negara ini.

Mengulas mengenai Bajet 2022 yang dijangka dibentangkan pada Jumaat depan di Dewan Rakyat, Ronald berharap peruntukan buat kementeriannya akan memfokuskan kepada pemulihan sektor agromakanan yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Bajet 2022 dijangka dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

Seed distribution delay due to high demand for MR 297 padi variety - Ronald



JOHOR BAHRU, Oct 23 -- The delay in the distribution of padi seeds in Kedah and Perlis, allegedly affecting more than 50,000 farmers in the two states, is not due to malpractice, but due to the high demand for MR 297 padi seed variety.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the government's action in setting a ceiling price of RM35 for each bag of certified padi seeds (BPS), apart from the detention of several individuals had succeeded in reducing the issue of malpractice or price manipulation.

"This issue is not as serious as last season and it is due to the high demand for MR 297 padi variety, but the Padi and Rice Regulatory Division together with the agencies and ministry have taken action

"It is necessary to take immediate action to avoid bigger problems faced by farmers," he told reporters after a video conference session with the High Commissioner of Malaysia to Singapore at the Johor Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) office today. .

In another development, Ronald said the ministry would hold discussions with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) and industry players on the recent issue of food price hike.

On the 2022 Budget which is expected to be tabled on Friday in the Dewan Rakyat, he hoped that the allocation for the ministry would focus on the recovery of the agrofood sector affected by the COVID-19 pandemic.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	JESSELTON TIMES	ONLINE	

MAFI Pantau Operasi Import Eksport Produk Pertanian Di CIQ Bangunan Sultan Iskandar



JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa berwaspada serta peka terhadap aktiviti import dan eksport produk pertanian bagi memastikan biosekuriti negara terjamin.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan turun ke kompleks Customs, Immigration and Quarantine (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) bagi melihat sendiri aktiviti pengoperasian pengimportan dan pengeksporan hasil pertanian negara khususnya ke Singapura. Hampir sebanyak 350 lori yang membawa muatan melebihi 600 tan metrik akan diperiksa disini setiap hari.

Turut hadir, YB Dato' Haji Mohd Fasih Haji Mohd Fakeh, Pengerusi FAMA, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA, YB Tuan Haji Rosleli Bin Jahari, Ahli Lembaga Pengarah FAMA dan Tuan Shamsul Akbar Bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS.

Berhubung pengeksporan produk pertanian negara, berdasarkan data di 2 pintu utama ke Singapura iaitu CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) secara keseluruhannya dari Januari hingga Oktober 2021, menunjukkan 308,000 jumlah transaksi dengan kuantiti keseluruhannya melibatkan hampir 2 juta tan metrik barangan pertanian seperti sayur-

sayuran dan buah-buahan telah diekspor ke Singapura dengan nilai anggaran sebanyak RM3.48 billion.

Terdapat peningkatan transaksi eksport sebanyak 44 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2020. Jumlah transaksi eskport ini juga dianggarkan akan terus meningkat sehingga 15 peratus sehingga hujung tahun 2021.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bermula pada tahun 2020 juga tidak mempunyai impak secara langsung terhadap pengeksporan produk pertanian di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di mana data menunjukkan transaksi eksport ke negara Singapura dari pintu masuk ini menunjukkan jumlah transaksi telah meningkat daripada 56,610 pada tahun 2019 kepada 125,151 pada tahun 2020. Peningkatan direkodkan sebanyak 121 peratus dengan kuantiti barangan eksport pertanian meningkat daripada 279,218 tan metrik kepada 364,012 tan metrik.

Trend kenaikan eksport yang sama dijangka berlaku pada tahun 2021 di mana transaksi sehingga Oktober telah pun mencecah kepada 393,189 tan metrik.

Di samping itu, pihak MAQIS Bangunan Sultan Iskandar (BSI) telah merekodkan jumlah kes penahanan yang melibatkan cubaan membawa masuk dan keluar hasil agromakanan tanpa permit iaitu 37 kes sehingga 30 September 2021 dengan nilai anggaran tahanan berjumlah RM1.35 juta berbanding 38 kes pada tahun 2020 dengan nilai tahanan RM1.2 juta.

Dr. Ronald berkata MAFI melalui MAQIS akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dibendung serta dikawal.

'MAQIS sentiasa disaran ,mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bagi memudahcara perdagangan pertanian di pintu masuk utama negara yang sekaligus membantu perkembangan ekonomi negara,' katanya.

Tambah Dr. Ronald 'MAQIS juga telah menambah baik kaedah pemantauan pengimportan dan pengeksporan dengan memperkukuh Prosedur Operasi Standard (SOP) serta melaksanakan kawalan kemasukan hasil pertanian bagi tujuan transit dan transshipment.

Pada masa yang sama, MAFI juga sedang memutamakan beberapa cadangan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] antara lain untuk meluaskan skop kuasa MAQIS diluar pusat kuarantin, stesen kuarantin serta premis kuarantin yang membabitkan kuasa untuk membuat serbuan, siasatan dan penahanan diluar pintu masuk negara.

Selain itu pindaan juga akan memperkukuhkan bidang kuasa bagi tujuan kawalan biosekuriti kepada semua komoditi pertanian yang berhubungan dengan aktiviti import dan eksport,pemindahan antara wilayah, transit dan transshipment.

Akta 728 juga akan menekankan kepada pengurusan kawalan biosekuriti yang lebih mantap termasuk meningkatkan kadar denda atau hukuman yang dikenakan dalam peruntukan kesalahan sedia ada dan menambah baik pengurusan barang rampasan bahan mudah rosak (perishable item).

MAQIS sebagai benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan khususnya keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara akan terus tegas menguatkuasakan perlaksanaan undang-undang negara dalam memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak atau penyakit merbahaya yang boleh

mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di semua pintu masuk negara demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Segala perancangan bagi manambahbaik mutu perkhidmatan MAQIS melalui pemodenan sistem pengurusan permit dan data, pemantapan Standard Operating Procedure (SOP), pemerkasaan fungsi dan struktur MAQIS serta pengukuhan fasiliti dan peralatan kawalan biosekuriti akan dilaksanakan dan menjadi agenda utama MAQIS.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Industri tenusu berpotensi dikembangkan



Badrul Hisham (kanan) menerima simbolik susu keluaran Farm Fresh daripada Pengasas The Holstein Milk Company, Loi Tuan Ee. - Foto Sinar Harian

SHAH ALAM: Industri tenusu berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara dan mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan pada Jumaat berkata, pada tahun 2020, penggunaan susu dalam negara adalah sebanyak 69.4 juta liter setahun.

“Industri tenusu tempatan hanya mampu mengeluarkan sebanyak 43.3 juta liter setahun walaupun telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 (36.4 juta liter).

“Negara masih perlu mengimport sebanyak 26.1 juta liter dari luar negara. Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) tahap sara diri (SSL) susu segar disasarkan 100% menjelang 2030 berbanding 62.4% pada tahun 2020.

Bagi mencapai sasaran tersebut, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperkenalkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (Dairy Plan) 2021-2025,” jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, usaha tersebut perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak pemain industri ke arah pembangunan industri tenusu yang lebih berdaya maju.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, jalinan kerjasama MAFI dengan Farm Fresh Bhd (Farm Fresh) adalah untuk meningkatkan pengeluaran susu dan memasarkan kepada pengguna melalui pelbagai platform.

"Hasil kerjasama strategik bersama Farm Fresh telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dengan melahirkan seramai 45 stokis, 832 homedealers dan 1,302 ejen di seluruh Malaysia dan Singapura yang sebahagian besar terdiri dari para suri rumah.

"Pendekatan ini untuk memastikan setiap keluarga Malaysia kekal mempunyai akses kepada sumber makanan yang berkhasiat dengan harga yang berpatutan sekali gus membantu industri tenusu terus berkembang yang pastinya memberi manfaat kepada penternak," katanya.

Beliau berkata, MAFI sentiasa komited untuk membantu usahawan membangunkan perniagaan berasaskan produk pertanian dan industri asas tani melalui Geran Agropreneur Muda.

"Pemohon boleh memohon bantuan sehingga RM20,000 bagi tujuan pemasaran dan kemudahan seperti peralatan dan 'mobile food truck' kepada pemohon yang berjaya," kata Badrul Hisham.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Lewat agih benih padi disebabkan permintaan tinggi terhadap MR 297 - Ronald



Ronald berkata, tindakan kerajaan telah berjaya mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.
- Gambar fail

JOHOR BAHRU: Masalah kelewatan pengagihan benih padi di Kedah dan Perlis hingga didakwa menjejaskan lebih 50,000 pesawah di dua negeri itu bukan disebabkan penyelewengan, sebaliknya berpunca daripada permintaan tinggi terhadap varieti benih padi MR 297 yang tidak mencukupi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata tindakan kerajaan menetapkan harga siling RM35 bagi setiap beg Benih Padi Sah (BPS), selain penahanan beberapa individu, telah berjaya mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

"Isu ini tidak seserius seperti musim lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah terhadap padi MR 297, sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini, namun Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi dan kementerian, sudah mengambil tindakan.

"Ia perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah," katanya kepada pemberita selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor, hari ini.

Untuk rekod, varieti benih padi MARDI SIRAJ (MR) 297 yang diisytihar pada tahun 2016 mendapat sambutan baik oleh pesawah, dan dianggarkan sebanyak 43.2 peratus pesawah di Semenanjung Malaysia menggunakan varieti itu.

Pada Rabu lepas, media melaporkan Jabatan Pertanian memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Jabatan itu memaklumkan, berdasarkan data hingga 10 Okt lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Ia susulan kenyataan Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA Che Ani Mat Zain pada Selasa, mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Dalam perkembangan lain, Ronald berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan pemain industri berhubung isu kenaikan harga barangan makanan yang dilaporkan baru-baru ini.

Beliau berkata perbincangan itu perlu bagi mengesan punca masalah berkenaan berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan sekali gus dapat mengawal harga produk makanan di negara ini.

Mengulas mengenai Bajet 2022 yang dijangka dibentangkan pada Jumaat depan di Dewan Rakyat, Ronald berharap peruntukan buat kementeriannya akan memfokuskan kepada pemulihan sektor agromakanan yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Bajet 2022 dijangka dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Dua kementerian bincang isu harga makanan naik



RONALD Kiandee (dua dari kiri) melihat produk makanan keluaran FAMA sempena lawatan kerja bagi tinjauan Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia ke Singapura di Pejabat FAMA, Johor Bahru di Johor. -UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehdwal Pengguna (KPDNHEP) berhubung isu kenaikan harga barangan makanan yang dilaporkan di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kerjasama kedua-dua kementerian berkenaan dilihat salah satu cara bagi mengawal harga produk makanan di negara ini.

Katanya, perbincangan yang turut melibatkan penggiat industri itu perlu diadakan bagi mengesan punca masalah terbabit berlaku selain mencari jalan penyelesaian agar pengguna tidak lagi terkesan.

Jelasnya, perbincangan bersama KPDNHEP itu penting kerana kementerian itu yang dipertanggungjawab menetapkan harga siling dan memantau harga barangan makanan di seluruh negara.

“Kerjasama bersama KPDNHEP ini membuahkan hasil pada bulan lalu ketika harga ayam melebihi harga siling. Masalah kenaikan harga barangan kawalan itu telah dikawal.

“Kita mempunyai ruang perbincangan bersama untuk melihat masalah kenaikan harga produk makanan buat masa ini,” katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor, di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, harga hampir semua barang membabitkan makanan dan binaan meningkat antara 15 hingga 50 peratus sebaik aktiviti rentas negeri dibuka pada 11 Oktober lalu.

Ujar beliau, dari segi makanan, peningkatan tersebut dikesan berdasarkan kajian CASSA di seluruh negara khasnya di kawasan-kawasan pelancongan yang tidak menolak kemungkinan perkara itu berlaku disebabkan orang ramai khususnya peniaga yang mahu meraih semula kewangan mereka selama tidak dibenarkan beroperasi sebelum ini.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada faktor kekurangan bekalan menyebabkan harga barangan naik, Ronald menafikan perkara tersebut menjadi faktor kepada perkara itu berlaku.

“Dari segi bekalan, saya tak rasa ada masalah dilaporkan. Walaupun negara berdepan pandemik Covid-19, kita tidak pernah hadapi masalah kekurangan bekalan malah ada tempat yang berlaku lambakan,” katanya.

Terdahulu, beliau membuat tinjauan ke Pasar Tani Datin Halimah di Larkin sebelum meninjau Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia Ke Singapura di FAMA Johor.

Turut bersamanya ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Samsolbari Jamali dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

– UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Tiada penyelewengan benih padi – Menteri



RONALD Kiandee (kiri) memasukkan produk makanan ke dalam lori sebelum dihantar ke Singapura untuk diberi kepada rakyat Malaysia sempena lawatan kerja bagi tinjauan Aktiviti Rantaian Pengeksportan Produk Pertanian Segar Malaysia ke Singapura di Pejabat FAMA, Johor Bahru, Johor. - **UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyangkal dakwaan berlakunya penyelewengan pembekalan benih padi yang menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, perkara itu sebaliknya disebabkan permintaan tinggi terhadap varieti padi MR 297 sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini.

Katanya, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi lain sudah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi para pesawah.

“Isu benih padi yang dilaporkan di Kedah dan Perlis tidak seserius seperti musim-musim yang lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi yang dikehendaki pesawah.

“Kementerian sudah ambil langkah yang perlu bagi mengurangkan isu pengedaran benih ini. Isu ini perlu diambil tindakan dan penyelesaian segera untuk elak masalah lebih besar dihadapi pesawah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agro-makanan ke Singapura, di Pejabat FAMA Negeri Johor, di sini hari ini.

Selasa lalu, akhbar melaporkan Badan Bertindak Petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui kementeriannya.

Sehari kemudian, Jabatan Pertanian dilaporkan memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Menurut jabatan itu, berdasarkan data hingga 10 Oktober lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan dan jumlah itu mencukupi untuk keperluan mengikut jadual penanaman di Kedah dan Perlis hingga akhir November depan.

Mengulas lanjut, Ronald memberitahu, penetapan harga siling RM35 bagi setiap beg ditetapkan Benih Padi Sah (BPS) yang diambil kementerian pada Februari lalu, telah mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

“Kita tidak menafikan sebelum ini ada berlaku penyelewengan benih padi, namun isu itu bukanlah isu baru dan sentiasa dibaiki termasuk dengan penetapan harga siling BPS.

“Langkah penetapan harga siling benih padi kepada maksimum RM35 bagi setiap beg adalah tindakan yang dapat kurangkan isu pengelewangan dan penyorokkan. Jadi, tiada ruang untuk manipulasi demi menjaga masa depan pesawah negara,” ujarnya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Permintaan tinggi padi MR297 jadi isu



Johor Bahru: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menafikan berlaku penyelewengan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penetapan harga siling RM35 bagi setiap beg Benih Padi Sah (BPS) Februari lalu telah mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

Bagaimanapun katanya, kementerian tidak menafikan ketirisan berlaku sebelum ini, namun isu itu ditangani termasuk dengan penetapan harga siling BPS, selain menahan beberapa individu yang disyaki memanipulasi dan menyeleweng benih padi oleh Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras.

"Penetapan harga siling benih padi kepada maksimum RM 35 itu adalah tindakan yang dapat kurangkan isu penyelewengan dan sorok benih, jadi ia (penyelewengan benih padi) tiada ruang untuk dimanipulasi demi menjaga masa depan pesawah negara.

"Isu yang dilaporkan di Kedah dan Perlis tidak seserius seperti musim yang lalu dan ia lebih kepada isu varieti padi dikehendaki pesawah, yang mana permintaan tinggi terhadap varieti padi MR297 menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini.

"Bagaimanapun, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi lain sudah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah ini," katanya pada sidang media selepas telesidang dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di FAMA di sini hari ini.

Selasa lalu, media melaporkan Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Jabatan Pertanian pula dilapor memberi jaminan benih padi mencukupi untuk kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung, malah memaklumkan sebanyak 52,922.5 tan metrik benih sedang dalam proses pengesahan, berdasarkan rekos sehingga 10 Oktober lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI nafi berlaku penyelewengan benih padi



JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menafikan berlaku penyelewengan benih padi sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata penetapan harga siling RM35 bagi setiap beg ditetapkan bagi Benih Padi Sah (BPS) yang diambil kementerian Februari lalu, mengurangkan isu penyelewengan atau manipulasi benih padi.

Beliau berkata, penyelewengan benih padi ada berlaku sebelum ini, namun isu itu sentiasa dibaiki, termasuk dengan penetapan harga siling BPS, selain penahanan beberapa individu yang memanipulasi dan menyeleweng benih padi oleh Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras.

"Penetapan harga siling benih padi kepada maksimum RM 35 bagi setiap beg adalah tindakan yang dapat kurangkan isu penyelewengan dan sorok.

"Isu benih padi yang dilaporkan di Kedah dan Perlis tidak serius seperti musim yang lalu dan ia lebih kepada isu jenis padi yang dikehendaki pesawah. Ia disebabkan permintaan tinggi terhadap padi MR 297 menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim ini.

"Bagaimanapun, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras bersama agensi lain sudah mengambil tindakan perlu bagi mengatasi masalah yang dihadapi pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi sidang video dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura bagi memperkasa eksport agromakanan ke Singapura, di FAMA Negeri Johor, di sini, hari ini.

Selasa lalu, media melaporkan Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui MAFI.

Rabu lalu pula, Jabatan Pertanian dilaporkan memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, berdasarkan data hingga 10 Oktober lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Katanya, jumlah berkenaan mencukupi untuk keperluan mengikut jadual penanaman di Kedah dan Perlis hingga akhir November depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

Agriculture minister: Seed distribution delay in Kedah, Perlis due to high demand for MR 297 paddy variety



JOHOR BARU, Oct 23 — The delay in the distribution of paddy seeds in Kedah and Perlis, allegedly affecting more than 50,000 farmers in the two states, is not due to malpractice, but due to the high demand for MR 297 paddy seed variety.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the government's action in setting a ceiling price of RM35 for each bag of certified paddy seeds (BPS), apart from the detention of several individuals had succeeded in reducing the issue of malpractice or price manipulation.

"This issue is not as serious as last season and it is due to the high demand for MR 297 paddy variety, but the Padi and Rice Regulatory Division together with the agencies and ministry have taken action.

"It is necessary to take immediate action to avoid bigger problems faced by farmers," he told reporters after a video conference session with the High Commissioner of Malaysia to Singapore at the Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) office today.

In another development, Ronald said the ministry would hold discussions with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) and industry players on the recent issue of food price hike.

On the 2022 Budget which is expected to be tabled on Friday in the Dewan Rakyat, he hoped that the allocation for the ministry would focus on the recovery of the agrofood sector affected by the Covid-19 pandemic. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2021	THE SUN DAILY	ONLINE	

Seed distribution delay due to high demand for MR 297 padi variety - Ronald



JOHOR BAHRU: The delay in the distribution of padi seeds in Kedah and Perlis, allegedly affecting more than 50,000 farmers in the two states, is not due to malpractice, but due to the high demand for MR 297 padi seed variety.

